



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN,
50502 KUALA LUMPUR.

Telefon: 2321957

Kawat: PERDANA

Rujukan Kami: PM(S)12011 Jld.VII/
(30)

Tarikh: 19 November 1988.

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 3 TAHUN 1988

**PUSAT PENYERAHAN BAHAN-BAHAN TERBITAN MALAYSIA
DI UNIVERSITI OHIO, AMERIKA SYARIKAT**

1. **TUJUAN**

- 1.1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan Universiti Ohio sebagai Pusat Penyerahan bahan-bahan terbitan Malaysia. Di bawah program ini satu koleksi khas bahan-bahan terbitan Malaysia akan dibina di Perpustakaan Universiti Ohio untuk kegunaan penyelidik-penyelidik, penuntut-penuntut, syarikat-syarikat dan orang awam yang ingin membuat kajian, penyelidikan dan pertanyaan mengenai Malaysia.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Universiti Ohio merupakan sebuah institusi yang ada hubungan kerjasama yang erat dengan Malaysia dalam bidang pendidikan sejak 1960an. Program usaha bersama pada peringkat Ijazah antara Universiti Ohio dan Institut Teknologi Mara telah dilancarkan dalam tahun 1975. Melalui sumbangan dari Kerajaan, Kerusi Tun Abdul Razak telah ditubuhkan di Universiti Ohio dimana seorang sarjana terkemuka dari negara kita dipilih untuk mendudukinya secara bergilir-gilir. Kerjasama dan bantuan dari Yayasan Tun Razak dan lain-lain agensi Kerajaan telah mewujudkan sebuah Pusat Sumber Malaysia di Universiti Ohio yang bertindak untuk menyediakan maklumat khas dan bahan rujukan kepada orang awam, syarikat dan organisasi mengenai Malaysia.
- 2.2. Buat masa sekarang Pusat Sumber Malaysia ini tidak dapat membantu penyelidik sepenuhnya oleh sebab bahan-bahan rujukan mengenai Malaysia yang ada tidak kemaskini dan kurang lengkap serta tidak mencerminkan keadaan yang sebenar mengenai Malaysia dari segi sosio-ekonomi, politik, industri, kebudayaan dan lain-lain lagi.

3. PROGRAM PENYERAHAN BAHAN-BAHAN PERPUSTAKAAN

- 3.1. Program ini akan membolehkan maklumat terkini dan ilmu pengetahuan mengenai Malaysia disediakan di sebuah institusi di Amerika Syarikat. Pendedahan pada maklumat ini akan memberi kesempatan yang baik kepada masyarakat di Amerika Syarikat untuk mengenali Malaysia secara lebih dekat lagi. Ianya juga membantu membetulkan segala pandangan berat sebelah dan anggapan salah mengenai Malaysia yang sering ditimbulkan oleh media massa asing.
- 3.2. Untuk melaksanakan program ini Perpustakaan Negara Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk membekalkan bahan-bahan perpustakaan kepada Perpustakaan Universiti Ohio, khususnya buku, terbitan bersiri dan juga terbitan-terbitan Kerajaan.
- 3.3. Untuk menjayakan rancangan ini, semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat Pusat dan Negeri hendaklah menyumbangkan satu naskah bagi setiap judul penerbitan kepada Perpustakaan Negara Malaysia.
- 3.4. Semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat Pusat dan Negeri hendaklah mengambil perhatian bahawa


penyerahan bahan-bahan terbitan ini tidak ada kaitan dan adalah di luar peruntukan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986.

4. Kerjasama serta sokongan yang penuh terhadap perkara ini adalah diharapkan. Segala pertanyaan mengenainya bolehlah dirujukkan kepada:-

Perpustakaan Negara Malaysia,
Bahagian Penyerahan Akta, Hadiah
dan Pertukaran,
Lot G1 & G2, Kompleks Bukit Naga,
Off Jalan Semantan,
50572 KUALA LUMPUR.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

' CINTAILAH BAHASA KITA '



(TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED)
Ketua Setiausaha Negara.

/kas.